

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran  
En. Hussein Onn semasa Meresmi-  
kan Pembukaan Sekolah Rendah  
Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur  
pada hari Sabtu 22hb. Mei, 1971.  
jam 9.30 pagi

---

Ucapan: AD40  
493  
112/80  
437-56/80

Saya ucapkan terima kasih kepada ahli2  
Lembaga Pengurus, Guru2 dan Ibu2-bapa Sekolah Rendah  
Jalan Raja Muda kerana menjemput saya menghadiri  
uapachara pembukaan resmi sekolah yang chantek ini  
pada pagi ini.

Sekolah yang chantek ini telah menempoh  
sejarah yang gemilang sahingga terbena sa-buah  
bangunan yang chantek berharga lebih kurang 200,000  
ringgit yang mana telah siap di-bena pada penghujung  
tahun 1967. Pada mula-nya murid2 sekolah ini telah  
menumpang belajar di-tiga buah sekolah pada tahun  
1966 ia-itu i-Sekolah Hishamuddin Jalan Swettenham,  
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sentul dan

di-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, Sentul.

Tetap pada hari ini guru2, murid2 serta ibu2-bapa patut-lah berasa shukor kerana mempunyai sa-buah bangunan sendiri yang pada masa ini menempatkan seramai lebeh kurang 1,500 orang murid yang belajar dalam dua bahagian ia-itu separoh di-sabelah pagi dan yang lain-nya di-sabelah petang.

Mengenai kemajuan pelajaran suka-lah saya memberitahu tuan2 dan puan2 ia-itu Kementerian saya akan berusaha lebeh giat lagi untuk memperbaiki keadaan2 yang tidak seimbang dalam pelajaran saperti peluang2 dan bahan2 di-antara sekolah2 di-kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Selain daripada itu saya akan berusaha untuk membaiki sistem dalam kedua2 aspek 'quantity' dan 'quality' pelajaran di-semua peringkat dengan harapan hendak memberi sumbangan ka-arrah kemajuan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara kita.

Dari apa yang telah saya sebutkan tadi ada-lah nyata bahawa semenjak Penyata Razak mula2 di-terima perubahan2 telah berlaku dalam pelajaran. Akan tetapi penyata itu menyatakan kadar perubahan akan berjalan perlahan2 dan tidak sama rancak-nya yang di-sebabkan oleh kemampuan yang ada dan juga oleh kerana sifat pelajaran itu sendiri.

Namun demikian suka-lah saya menyatakan di-sini bahawa matlamat yang paling besar dalam dasar pelajaran tahun 1956 itu ia-lah pembenaan negara. Telan di-akui oleh semua pihak peri penting-nya satu bahasa di-gunakan untok membena negara. Dengan hal yang demikian telah pun di-persetujui bahawa Bahasa Melayu di-jadikan Bahasa Kebangsaan negara kita, dan ini telah pun di-maktubkan dalam Perlembagaan kita. Apa yang kita usahakan hari ini, ia-lah melaksanakan dasar ini. Melalui dasar ini-lah Kerajaan yakin, kita dapat membena satu rupa bangsa Malaysia yang bersatu

padu dan tidak lagi ada-nya kata2 yang menyatakan saya orang China Malaysia, orang India Malaysia, tetapi ada-lah ra'ayat Malaysia. Untuk menchapai matlamat ini, suka-lah saya ingatkan bahawa ia-nya bukan tertanggung semata2 di-atas bahu Kerajaan dan guru2 malahan tiap2 orang ra'ayat yang chintakan Malaysia dan mempunyai ta'at setia yang tidak berbelah bagi, wajib bekerjasama antara satu dengan yang lain ka-arrah menchapai chita2 itu.

Sekarang saya suka menyentoh perkembangan Khutub-Khanah di-sekolah2 kita. Khutub-Khanah merupakan harta yang dapat menolong sa-saorang itu kalau ia di-gunakan, maju di-dalam semua segi lebeh2 lagi pelajaran. Kementerian saya menggalakkan penubohan Khutub-Khanah di-sekolah2 dan boleh-lah di-katakan banyak di-antara sekolah2 menengah di-negeri kita ini mempunyai Khutub-Khanah yang terbentok dengan ada-nya kerjasama dari ra'ayat jelata yang telah mendermakan

buku2 ilmiah, cerita dan sebagainya dan setengah daripada mereka pula telah menghadiahkan wang untuk membeli buku2 bagi kegunaan Khutub-Khanah2 itu. Sungguh pun demikian, saya berasa banyak kemajuan yang boleh kita buat dalam segi Khutub-Khanah ini. Oleh itu Kementerian saya sedang berusaha mendapatkan pakar2 Khutub-Khanah untuk melateh guru2 kita dalam pengetahuan ini. Saya jangka pada tahun 1972, kita akan dapat melateh guru2 dalam perkara ini dengan tujuan agar guru2 ini pula setelah menjalani latehan tersebut dapat memberi tunjok ajar yang baik kepada murid2 chara menggunakan buku2 yang ada tersimpan di-Khutub-Khanah mereka. Saya menggesa anak2 kita menggunakan Khutub-Khanah dengan sapenoh2-nya oleh kerana dengan berbuat demikian mereka dapat menambah pelajaran dan pengetahuan dari apa yang di-ajar oleh guru2 mereka di-bilek2 darja ..

Kalau sa-sabuah sekolah ada mempunyai Khutub-Khanah yang lengkap, maka ia akan menjadi



tumpuan murid2 kita berkumpul dar menambahkan lagi pengetahuan mereka. Ini tidak-lah berma'ana Khutub-Khanah yang lengkap itu mesti berhawa dingin, tetapi kalau ada lebeh baik. Juga saya berharap ibu2-bapa, murid2 tua dan para dermawan agar menghadiahkan buku2 akademik, cherita dan majallah2 dan lain2 kapada Khutub-Khanah2 sekolah supaya peluang membacha untok menambah pengetahuan anak2 kita bertambah baik dari satu masa ka-satu masa. Kapada orang ramai yang telah menghadiahkan buku2 mereka dan sumbangan yang lain kapada Khutub-Khanah2 sekolah saya ucapkan terima kaseh daun keladi.

Bagi mengakhiri ucapan ini saya suka meng-ucapkan terima kaseh kapada semua di-sekolah ini kerana telah dapat mengatorkan upachara yang meriah dan di-harap mereka akan terus berusaha untok memimpin dan menunjok aj. anak2 kita agar mereka berjaya dalam pelajaran mereka.

Saya dengan segala sukachita-nya merasmi-  
kan pembukaan Sekolah Rendah Jalan Raja Muda, Kuala  
Lumpur.

Kementerian Pelajaran,  
Kuala Lumpur.

18hb. Mei, 1971.



Bayu dengan segala sukacitanya-nya  
dan persembahkan kepada Jajin Raja Muda, Kuala  
Lumpur.

Kementerian Pelajaran,  
Kuala Lumpur,  
18th. Dec. 1971.



No. Siri .....	35
No Penerimaan .....	35/80